

Empat bot penceroboh dilupus jadi tukun

Sinar Harian 6/3/2019 m/s 21



Dua daripada empat bot yang diluluskan ditenggelamkan di lokasi 4 batu nautika perairan Tumpat.

TUMPAT - Empat bot nelayan asing bernilai RM4 juta yang ditahan atas kesalahan menceroboh perairan ditenggelamkan untuk dilupuskan di perairan Tumpat di kedudukan empat batu nautika dari darat.

Pengarah Maritim Negeri Pahang, Laksamana Muda Maritim, Datuk Zulkarnain Mohd Omar berkata, bot ini ditenggelamkan untuk dijadikan tukun tiruan.

Katanya, bot terbabit dilucutkan hak selepas didapati bersalah di mahkamah dan diputuskan untuk dijadikan tukun tiruan di perairan Tumpat.

"Bot ini ditahan atas kesalahan menceroboh perairan negara ini sekitar tahun 2014-2018.

"Pelupusan bot yang ditenggelamkan ini adalah untuk dijadikan tukun tiruan."

"Kaedah ini dapat mengalak-

kan biodiversiti marin yang akan memberi manfaat kepada seluruh kehidupan di laut dengan kadar pembiakan yang lebih baik terutamanya pembiakan ikan di perairan negara," kata-

nya. Beliau berkata demikian dalam sidang media di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Geting, semalam.

Zulkarnain turut ke lokasi perairan Tumpat untuk menyaksikan perlupusan bot tersebut dianjurkan oleh Persatuan Nelayan Tumpat.

Zulkarnain berkata, kaedah pelupusan ini juga diambil untuk menyampaikan mesej yang jelas kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa bahawa Maritim Malaysia amat serius menangani isu pencerobohan nelayan asing di perairan ini.

Katanya, sehingga kini seba-

nyak 331 bot nelayan asing dan tempatan dijadikan tukun tiruan di seluruh Malaysia manakala di Pantai Timur sebanyak 320 bot nelayan asing dan di Kelantan sebanyak 157 bot dijadikan tukun.

Menurutnya, statistik bot nelayan asing yang ditahan sejak tahun 2006 sehingga kini ialah 1198 bot nelayan asing manakala sejak tahun 2006 sehingga kini seramai 10,039 kru bot nelayan asing yang ditahan kebanyakannya warganegara Vietnam dan Indonesia.

"Mondus operandi mereka tinggal selama seminggu di perairan ini, kau hasil tangkapan dan bot induk dari Vietnam akan datang ambil hasil ikan terbabit.

"Kegiatan mereka menceroboh perairan negara ini di tengah laut di kedudukan lebih kurang 100 batu nautika," katanya.